

NO. SOALAN : 3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN
NAINA MERICAN
[KEPALA BATAS]**

**TARIKH JAWAPAN : 1 APRIL 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan perincian usaha pelaksanaan konsep kecekapan tenaga (*energy efficiency*) di bangunan-bangunan kerajaan selain daripada penggunaan '*gas district cooling*', apa lagi strategi dan kaedah yang diguna pakai.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan secara berterusan berusaha untuk meningkatkan tahap kecekapan tenaga di bangunan-bangunannya. Dalam meneruskan usaha ini, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksana kontrak prestasi tenaga atau *Energy Performance Contract* (EPC). EPC merupakan satu *business model* bagi mencapai pengurusan tenaga yang cekap di bangunan-bangunan Kerajaan.

2. Pelaksanaan EPC akan melibatkan pihak swasta iaitu *Energy Service Company* (ESCO). Pelaburan dan jaminan penjimatan tenaga melalui EPC ini akan ditanggung sepenuhnya oleh ESCO. Pembayaran balik kepada pelaburan ESCO akan dibuat melalui jumlah penjimatan sebenar yang diperoleh daripada penjimatan bil elektrik sesebuah bangunan berdasarkan kepada perjanjian perkongsian yang telah dipersetujui di antara ESCO dan agensi Kerajaan yang terlibat. Pelaksanaan EPC yang berkesan dipantau oleh Suruhanjaya Tenaga melalui pendaftaran ESCO serta khidmat nasihat.

Ahli-ahli Yang Behormat,

3. Kerajaan akan mempergiatkan lagi usaha bagi meningkatkan penjimatan kos utiliti tenaga di bangunan-bangunannya dengan pelaksanaan audit tenaga dan *retrofit* kecekapan tenaga. Dalam tahun 2014, audit tenaga bagi mengenalpasti potensi penjimatan akan dilaksana di bangunan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Manakala aktiviti *retrofit* kecekapan tenaga akan dilaksanakan di bangunan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber Manusia.
4. Kerajaan juga telah memutus supaya bangunan-bangunannya melaksanakan penjimatan bil tenaga sebanyak 5% pada tahun 2014. Pencapaian penjimatan ini merupakan salah satu *Key Performance Indicator (KPI)* kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan. Manakala, KeTTHA akan memantau pelaksanaan usaha ini.
